

24 SEP 2001

Mahathir-Sekolah

KERAJAAN JAMIN TIDAK SEKAT PEMBANGUNAN SEKOLAH CINA DAN TAMIL

KUCHING, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak akan menyekat pembangunan sekolah-sekolah jenis Cina dan Tamil di negara ini.

Perdana Menteri berkata pertumbuhan pesat sekolah-sekolah berkenaan di negara ini adalah bukti kukuh tentang komitmen kerajaan untuk menjaga kepentingan semua kaum terutama daripada segi pembangunan pendidikan.

"Kerajaan beri jaminan tidak akan cuba menyekat pelajaran dalam bahasa Tamil dan Cina, bahkan kita membantu perkembangan mereka," katanya ketika berucap kepada pelajar, guru dan ibubapa sempena lawatannya ke Sekolah Menengah Chung Hua No.4 di sini.

Dr Mahathir, yang tiba pagi tadi untuk lawatan kerja sehari ke Sarawak, berkata, tidak seperti negara-negara lain, Malaysia menggalakkan semua kaum memelihara bahasa ibunda mereka walaupun bahasa kebangsaan negara ialah bahasa Melayu.

Beliau berkata, adalah menjadi dasar Barisan Nasional (BN) untuk menjaga kepentingan semua kaum dan ini telah dibuktikan dengan perlantikan Menteri Kabinet peringkat pusat dan negeri daripada pelbagai kaum.

Di peringkat pusat barisan Menteri Kabinet terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Cina, India dan kaum-kaum di Sabah dan Sarawak dan ini menunjukkan pengiktirafan Kerajaan Pusat terhadap sumbangan kaum-kaum itu.

Perdana Menteri menyifatkan Sarawak sebagai antara contoh terbaik dalam menjaga kepentingan semua kaum dengan meletakkan hampir semua kaum dalam barisan Kabinet negeri untuk membolehkan setiap kaum menyuarakan masalah mereka.

Dr Mahathir mahu pembangunan di negeri ini yang berasaskan perpaduan kaum yang kukuh diteruskan dengan memilih semula kerajaan pimpinan BN sekarang.

Beliau berkata BN adalah parti mewakili semua kaum dengan keanggotaan hampir semua kaum utama di negara ini dan tidak memperjuangkan kepentingan satu-satu kaum sahaja.

Mengenai ekonomi, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata negara tidak akan mengalami kemelesetan ekonomi yang teruk seperti pada tahun 1997 ekoran kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat yang bertambah buruk.

Dr Mahathir berkata, kerajaan telah membuat persediaan awal untuk menangani kesan daripada kemerosotan ekonomi di Amerika Syarikat yang bertambah buruk selepas serangan penganas di Washington dan New York.

Sambil mengakui pertumbuhan ekonomi dijangka perlahan, Perdana Menteri yakin negara akan mengatasinya dan menasihati semua pihak untuk meningkatkan produktiviti.

Turut hadir di dalam majlis itu ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

-- BERNAMA

RDY PR